

BAB V

KESIMPULAN DAN SARANAN

Masjid lambang keagungan Islam, pusat perpaduan Islam, pusat ibadat serta tempat membincangkan soal-soal yang berkaitan dengan hidup di dunia dan seterusnya untuk akhirat. Masjid merupakan pusat penyebaran Islam, gedung ilmu pengetahuan dan pusat pembentukan akhlak. Pada zaman Rasulullah SAW masjid dijadikan pusat pemerintahan dan pentadbiran, masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam kebangkitan umat Islam.

Di samping masjid berfungsi sebagai tempat ibadat ia juga berperanan sebagai tempat perhiapunan masyarakat Islam setempat dan juga tempat persinggahan orang musafir. Oleh yang demikian fungsi dan peranan masjid meliputi segala aspek perkembangan dan kemajuan Islam baik yang berbentuk 'Ubudiah' dan 'Muamalah', duniawi dan ukhrawi pada lingkungan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Di masjid perpaduan umat adalah padu, persaudaraan Islam terjalin erat, peraturan-peraturan di masjid itu sendiri menghendaki setiap jemaah berperasaan sama tanpa perbezaan di antara satu sama lain. Masjid juga dapat mengubah pandangan hidup muslimin dari

kegelapan kepada kebenaran serta menanamkan aqidah yang teguh dalam hati manusia. Aqidah inilah yang memberikan arah dan tujuan kepada hidup manusia.

Ini tiba masanya kita sebagai umat Islam mengimarahkan dan menghidupkan masjid kembali seperti yang pernah dijalankan oleh Rasulullah dan para sahabatnya. Umat Islam perlu menyusun rancangan bagi menghidupkan masjid dengan pelbagai program yang bermanfaat kepada masyarakat Islam. Di antaranya ialah menggalakkan sembahyang berjemaah, mengadakan kelas pengajian agama, kelas membaca al-Quran, kelas ibadah, ceramah-ceramah agama dan sebagainya.

Mengimarahkan masjid adalah tanggungjawab bersama setiap umat Islam di muka bumi ini, khususnya mereka yang tinggal berhampiran masjid atau ahli mukim masjid itu. Hukum-hukum Islam perlu disebarikan dan diajarkan kepada umat Islam melalui masjid-masjid dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian.

Masjid juga dapat melahirkan kebersihan lahir dan batin seorang muslim menuju ketakwaan. Masjid adalah pusat tamadun yang diperkatakan dalam masyarakat yang beradab dan bersemasagati. Bersemasagati? Bersemasagati? Bersemasagati?

dilakukan ialah mengenai kemakmuran dan kesejahteraan kesatuan sosial masyarakat Islam, kepentingan bangsa, kemanusiaan dan prinsipnya.

Oleh yang demikian masjid dan surau merupakan pusat perhimpunan yang menyatukan umat Islam sama ada untuk mengerjakan ibadat dengan berjemaah atau menimba ilmu, menerima nasihat dan pengajaran untuk kebaikan dunia dan akhirat.

A. Kesimpulan

Secara keseluruhan, penulis dapat membuat kesimpulan dari kajian yang telah dijalankan ini. Di antaranya ialah:

1. Rancangan Pengajian Tamir ini secara keseluruhannya hampir berjaya dalam membangkitkan kesedaran kepada masyarakat dalam konteks mengimarahkan masjid-masjid dan surau di setiap daerah. Tetapi terdapat sebilangan besar lagi masjid yang masih belum diimarahkan.

2. Kebanyakan Guru Takmir ini adalah orang tempatan, oleh itu lebih memudahkan pengajian ini dijalankan. Mereka keseluruhannya diterima oleh masyarakat dan dihormati. Tetapi bilangan Guru Takmir terlalu kecil untuk mengimarahkan setiap masjid di tempat masing-masing.
3. Pengajian ini dapat mewujudkan perpaduan dan perhubungan yang erat antara masyarakat setempat. Di samping itu dapat menghindarkan sikap salah faham terhadap sesama mereka.
4. Sambutan dan perhatian masyarakat terhadap program ini adalah di peringkat sederhana. Ini adalah sikap setengah masyarakat yang kurang sensitif dengan pengajian agama di tempat mereka dan kebanyakan yang hadir adalah jemaah yang bertunjing ke masjid saja.
5. Pengajian Takmir ini dapat menjelaskan kepada masyarakat tentang peranan dan tugas masjid.

yang sebenarnya. Di samping mengurangkan sikap negatif masyarakat terhadap masjid.

6. Kesedaran dan kefahaman masyarakat dapat disalurkan melalui pengajian ini dan perkembangan dakwah dapat dipertingkatkan. Ini dapat mengurangkan kejahilan umat Islam.
7. Bahawa setiap individu di dalam masyarakat terutama di kalangan alim 'ulama dan guru-guru agama, mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha menghidupkan kembali masjid-masjid dan surau di tempat masing-masing.
8. Penyebaran Islam tidak akan berjaya jika alim 'ulama dan cendikiawan Islam tidak mengambil daya inisiatif dalam mengambil tanggungjawab memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat keseluruhannya.
9. Pengajian di masjid-masjid dan surau ini amat penting dihidupkan kembali demi mengingati perjuangan Rasulullah yang bermula dan

bertempat di masjid. Semua dengan ini dapat menarik masyarakat supaya mengunjungi masjid dan mengimarahkannya.

B. Saranan

Dari kesimpulan yang telah dibuat, maka penulis juga menyalurkan beberapa saranan untuk renungan dan perhatian kepada pihak-pihak tertentu. Di antaranya ialah:

1. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang

i. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Pahang perlu memikirkan kembali dalam menambah bilangan masjid yang sedia ada dalam konteks mengimarahkan masjid tersebut dengan pelbagai program yang bermanfaat kepada semua.

ii. Pihak Jabatan perlu menimbangkan kembali untuk menambah bilangan guru lalim bagi memenuhi keperluan dan tuntutan masyarakat

terhadap pengajian agama di masjid-masjid dan surau-surau di kawasan masing-masing.

iii. Jabatan juga perlu memperuntukkan buku rujukan dan kitab-kitab yang bersangkutan dengan dengan pengajian Takmir kepada guru-guru Takmir supaya memudahkan mereka membuat rujukan.

iv. Kursus dan seminar yang bersangkutan dengan pengajian Takmir perlu diwujudkan untuk mendedahkan kepada guru Takmir berkenaan hal semasa.

v. Pegawai Penyelaras Negeri perlu melawat masjid-masjid yang diimarahkan supaya memastikan perjalanan pengajian ini berjalan dengan lancar dan berkesan.

vi. Pihak Jabatan juga perlu menambah bilangan mata pelajaran yang diajaran seperti pengajian al-Quran dan Tajwid kepada masyarakat memandangkan pentingnya al-Quran difahami dengan sebaik mungkin.

2. Pejabat Kadhi Daerah Temerloh

- i. Pejabat Kadhi perlu menghantar wakil ke setiap surau untuk melihat pengajian ini di samping memberikan kefahaman dan penerangan kepada masyarakat.
- ii. Kesedaran perlu dipertingkatkan kepada masyarakat, individu yang menjadi ketua dalam masyarakat tersebut terlebih dahulu mengikuti pengajian ini dan mengajak anak buah mereka ke masjid.
- iii. Pihak Pejabat juga perlu membuat perjumpaan dengan guru-guru Takmir untuk mengetahui masalah-masalah mereka.
- iv. Pejabat Kadhi juga perlu memastikan setiap masjid di Daerah Temerloh terdapat kelas pengajian agama.

3. Guru-guru Takmir Masjid

- i. Guru-guru Takmir perlu menambah masa pengajian supaya setiap pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan.
- ii. Guru-guru Takmir perlu menahan mata pelajaran yang bersesuaian dengan situasi tempat tersebut.
- iii. Guru Takmir juga perlu meningkatkan corak pengajaran supaya dapat menarik minat dan perhatian masyarakat.
- iv. Guru Takmir juga perlu menasihati masyarakat supaya hadir ke masjid dan mengimarahkannya.
- v. Kepimpinan dan pentadbiran masjid hendaklah sentiasa dipertingkatkan supaya masjid dan surau dapat diimarahkan sebaik mungkin.

C. Penutup

Secara keseluruhannya kajian ilmiah ini dapat membuka pikiran penulis dalam menilai kembali sejarah dan fungsi masjid yang pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah. Jika kita melihat hari ini, masjid kurang memainkan peranannya yang sebenarnya. Oleh itu setiap umat Islam perlu menginsafi dan menyedari akan beberapa hal yang menyentuh umat Islam. Telah sampai waktunya bagi umat Islam kembali mengisarahkan masjid di samping melaksanakan beberapa program yang bermanfaat kepada umat Islam.

Semuga dengan amalan ini memancarkan sinar Islam kepada Ummah dalam proses pembentukan iman dan takwa. Moga Allah memberikan kekuatan kepada umat Islam untuk terus maju dan berjaya di dunia dan akhirat.

والله اعلم بالصواب واليه المرجع
 وولى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه اجمعين ،
 والحمد لله رب العالمين .